


KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
BILANGAN 2 TAHUN 2026**

**GARIS PANDUAN TADBIR URUS DATA
SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN
(SKPG)**

DAN

**GARIS PANDUAN
PENGUNAAN DATA SKPG**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 2 TAHUN 2026

GARIS PANDUAN TADBIR URUS DATA SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG)

&

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN DATA SISTEM SKPG

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan mengenai **Garis Panduan Tadbir Urus Data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)** dan **Garis Panduan Penggunaan Data SKPG** Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Garis panduan ini adalah sebagai dokumen rujukan utama bagi tadbir urus data di Bahagian (Ibu Pejabat KPT), Jabatan, Agensi dan Institusi Pendidikan Tinggi di bawah ekosistem KPT serta pemegang taruh sistem SKPG.
2. **Garis Panduan Tadbir Urus Data SKPG** mengandungi tatacara tadbir urus data SKPG, iaitu sistem pengumpulan data Institusi Pendidikan

Tinggi Awam (IPTA), Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Ia bertujuan untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus data SKPG selaras dengan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

3. Tadbir urus data merujuk kepada pelaksanaan dasar dan proses yang diperlukan berkaitan dengan penghantaran, pemprosesan, penyimpanan dan pelaporan data bagi menyediakan sistem pengurusan data yang cekap. Garis panduan ini mengandungi tatacara pengurusan data, pengurusan kualiti data dan pengurusan keselamatan data bagi memudahkan pengendalian data yang dibekalkan oleh pihak penyelaras SKPG di IPT.

4. Manakala **Garis Panduan Penggunaan Data SKPG** adalah bertujuan untuk menyelaras tatacara dan memastikan kecekapan penggunaan data untuk dipatuhi oleh semua kategori pengguna data.

5. Penggunaan data dalam konteks ini merujuk kepada keperluan mencapai, mengguna, menyalur dan mengendalikan data SKPG oleh pengguna data dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh KPT.

6. Garis Panduan Penggunaan Data Sistem SKPG mengandungi tatacara permohonan, verifikasi penyaluran dan pengendalian data sebagai rujukan pihak agensi sektor awam, penyelaras data Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), penyelidik IPT dan lain-lain pemegang taruh dan pihak berkepentingan.

7. Kedua-dua dokumen ini dihasilkan sebagai inisiatif dalam mengangkat agenda pendigitalan kerajaan yang seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Dengan adanya garis panduan yang jelas maka hasrat kementerian untuk membangunkan data raya pendidikan tinggi akan dapat direalisasikan dalam jangka masa yang lebih cepat.

LATAR BELAKANG

8. SKPG adalah satu sistem yang digunakan oleh KPT dalam mengumpul data profil graduan baharu dari Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan lain-lain institusi. Sistem ini adalah platform instrumen kaji selidik untuk mengumpul maklum balas daripada graduan berkaitan status pekerjaan termasuk kebolehpasaran graduan, maklumat pekerjaan, penilaian graduan terhadap program pengajian dan kemudahan prasarana di institusi serta kemahiran bahasa dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

9. Instrumen kaji selidik dalam sistem ini disemak setiap dua (2) tahun sekali oleh jawatankuasa soal selidik yang terdiri daripada pemilik data, wakil industri dan pemegang taruh yang lain.

10. Pengumpulan data SKPG secara berpusat adalah penting kerana data SKPG merupakan sumber rujukan utama berkaitan kadar kebolehpasaran graduan negara. Kadar kebolehpasaran graduan berupaya memberikan indikasi tentang keupayaan ekosistem pengajian tinggi negara sama ada berjaya mengeluarkan graduan yang berkualiti serta memenuhi permintaan semasa tenaga kerja daripada industri atau sebaliknya. Oleh itu, komitmen yang padu daripada pihak IPT sangat signifikan dalam memastikan kadar respons graduan adalah optimum.

11. Data SKPG telah digunapakai oleh pelbagai pemegang taruh termasuk pihak kementerian dan agensi seperti Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Ekonomi (KE), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), *Malaysia Investment Development Authority* (MIDA) dan lain-lain agensi untuk tujuan membuat keputusan dan merancang strategi bukan sahaja bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan negara malahan juga menambah baik ekosistem pasaran buruh di Malaysia.

12. Penglibatan para pemegang taruh sangat penting kerana ia menjadi salah satu pemangkin dalam membantu merealisasikan usaha KPT memperkasakan sektor pendidikan tinggi Malaysia di mata dunia.

13. Oleh kerana penggunaan data SKPG sangat penting, maka pihak KPT sentiasa menyemak dan mengaudit data yang dibekalkan oleh IPT bagi memastikan kualiti data dan maklumat SKPG adalah terjamin.

14. Pelaksanaan garis panduan ini akan dipantau oleh Bahagian Perancangan Strategik (BPS), Kementerian Pendidikan Tinggi atau mana-mana Bahagian yang dipertanggungjawabkan bagi pengurusan data berpusat di KPT.

PEMAKAIAN

16. Surat Pekeliling ini hendaklah diguna pakai oleh semua entiti dalam ekosistem KPT iaitu Bahagian di Ibu Pejabat KPT, Jabatan, Agensi, IPT, Yayasan mahupun entiti lain yang akan ditubuhkan pada masa hadapan selagi mana Surat Pekeliling ini berkuat kuasa. Surat Pekeliling ini dipanjangkan juga ke pemegang taruh yang berkaitan dengan SKPG.

17. Dokumen Garis Panduan Tadbir Urus Data SKPG dan Garis Panduan Penggunaan Data SKPG Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) masih terpakai mengikut fungsi organisasi pendidikan tinggi sekiranya berlaku perubahan dari segi struktur organisasi di dalam atau di luar ekosistem KPT di masa akan datang.

TARIKH KUAT KUASA

18. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia ditandatangani.

PERTANYAAN

19. Sebarang pertanyaan mengenai polisi dan kerangka ini boleh dikemukakan kepada :

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 3, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
No. Telefon : 03-88706000
E-mel : sdbps@mohe.gov.my

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK DR. ANESSEE BIN IBRAHIM)

Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Tinggi

13 Februari 2026



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

GARIS PANDUAN TADBIR URUS DATA

Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)

Bahagian Perancangan Strategik,
Kementerian Pendidikan Tinggi

ISI KANDUNGAN

SENARAI RAJAH.....	ii
SINGKATAN	iii
1.0 TUJUAN	1
2.0 SASARAN PENGGUNA GARIS PANDUAN	1
3.0 TAKRIFAN.....	1
4.0 LATAR BELAKANG.....	6
5.0 FAEDAH GARIS PANDUAN	7
6.0 PRINSIP TADBIR URUS DATA	9
7.0 KLASIFIKASI DATA	12
8.0 JENIS CAPAIAN.....	13
9.0 TATACARA PENGURUSAN TADBIR URUS DATA SKPG.....	14
10.0 KERANGKA PERUNDANGAN HAK MILIK DATA SKPG.....	24
11.0 PENUTUP	24
12.0 RUJUKAN.....	25
LAMPIRAN 1	26
LAMPIRAN 2.....	27
LAMPIRAN 3.....	29

SENARAI RAJAH

Rajah L1.1: Kategori Data KPT dan Pelulus	26
Rajah L2.1: Proses Kerja Tadbir Urus Data SKPG	27
Rajah L3.1: Borang Permohonan Data	29
Rajah L3.2: Borang Perakuan Pematuhan Kerahsiaan Data	30

SINGKATAN

COD	<i>Cut-off Date</i>
DDSA	Data Dictionary Sektor Awam
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
GE	<i>Graduate Employability</i>
GREaT	Graduates Reference Hub for Employment and Training
ILKA	Institusi Latihan Kemahiran Awam
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
IPTA	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
JDN	Jabatan Digital Negara
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
JPT	Jabatan Pendidikan Tinggi
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KE	Kementerian Ekonomi
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KKR	Kementerian Kerja Raya
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPSU	Ketua Penolong Setiausaha
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KSU	Ketua Setiausaha
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
MASCO	Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MIDA	Malaysian Investment Development Authority
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
MOF	Kementerian Kewangan
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MoU	<i>Memorandum of Understanding</i>

MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MSIC	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
NEC	Kod Pendidikan Nasional
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
OKU	Orang Kurang Upaya
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PDPA	Akta Perlindungan Data Peribadi
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PhD	Doktor Falsafah
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
SD	Seksyen Data
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPG	Sistem Kajian Pengesanan Graduan
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SUB BPS	Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Strategik
TSUB	Timbalan Setiausaha Bahagian
UA	Universiti Awam
UiTM	Universiti Teknologi MARA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang mengandungi tatacara tadbir urus data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG). Ia bertujuan untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus data SKPG selaras serta tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.
- 1.2 Tadbir urus data dalam konteks ini merujuk kepada pelaksanaan dasar dan proses yang diperlukan berkaitan dengan penghantaran, pemprosesan, penyimpanan dan pelaporan data bagi menyediakan sistem pengurusan data yang cekap.
- 1.3 Garis panduan ini juga mengandungi tatacara pengurusan data, pengurusan kualiti data dan pengurusan keselamatan data bagi memudahkan pengendalian data yang dibekalkan oleh pihak penyelaras SKPG di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

2.0 SASARAN PENGGUNA GARIS PANDUAN

- 2.1 Garis panduan tadbir urus data ini disediakan bagi membantu pengguna berikut:
 - a. *Data steward*;
 - b. Penyelaras SKPG;
 - c. Pentadbir data; dan
 - d. Pemilik data.

3.0 TAKRIFAN

3.1 Data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)

Merujuk kepada data profil graduan baharu dan maklumat pengajian graduan yang dibekalkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Institusi Latihan Kemahiran

Awam (ILKA) dan institusi-institusi lain melalui Sistem Anjung SKPG. Data SKPG juga merangkumi data berkaitan status pekerjaan graduan termasuk kebolehpasaran graduan (*graduate employability; GE*), maklumat pekerjaan, penilaian graduan terhadap program pengajian dan kemudahan prasarana di institusi, serta kemahiran bahasa dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang diperoleh berdasarkan maklum balas graduan semasa melengkapkan kaji selidik dalam sistem SKPG.

3.2 Data Steward

Individu atau pasukan yang bertanggungjawab untuk mengekalkan ketepatan data bagi memastikan kualiti data terpelihara dan menjamin ketepatan keputusan yang dibuat. *Data steward* juga berperanan dalam menyediakan dan melaksanakan polisi data untuk memastikan amalan pengurusan data yang teratur dilaksanakan.

3.3 Graduan

Mahasiswa yang telah tamat pengajian dan layak bergraduasi. Ini meliputi graduan peringkat sijil sehingga Doktor Falsafah (PhD) dari Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam negara dan ILKA.

3.4 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)

Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) ialah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang terdiri daripada universiti awam (UA), politeknik, dan kolej komuniti serta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang didaftarkan di bawah Akta IPTS 1996 (Akta 555). Turut merangkumi ILKA dan IPT lain di bawah mana-mana kementerian dan kerajaan negeri yang menyertai SKPG.

3.5 Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA)

ILKA merupakan institusi yang menawarkan pelbagai kursus kemahiran untuk melatih dan membangunkan kemahiran teknikal dan vokasional di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 hingga ijazah pertama tahap 6. Terdapat tujuh (7) kementerian yang mempunyai ILKA menyertai

SKPG, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), dan Kementerian Kerja Raya (KKR).

3.6 Kebolehpasaran Graduan

Merangkumi graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan semasa melengkapkan kaji selidik pada tahun kajian.

3.7 Pemegang Taruh (Pihak Berkepentingan)

Pemegang taruh (atau juga dirujuk sebagai pihak berkepentingan) merupakan individu atau organisasi sama ada agensi sektor awam atau swasta yang berhasrat menggunakan data bagi tujuan atau kepentingan yang dibenarkan oleh pihak KPT. Contohnya, Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Ekonomi (KE), KPM, KESUMA, KBS, KKDW, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan lain-lain.

3.8 Pemilik Data

Individu, komuniti, organisasi atau institusi yang mempunyai hak pemilikan dari segi perundangan dan kawalan yang sah sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap data. Pemilik data bertanggungjawab terhadap kualiti, ketepatan, integriti dan ketepatan masa data, memastikan pematuhan proses pengumpulan dan perkongsian data serta membenarkan capaian data yang tertakluk kepada pematuhan Polisi Pengintegrasian dan Tadbir Urus Data dan Kerangka Kerja Pengintegrasian Data Kementerian Pendidikan Tinggi.

3.9 Pengguna Data

Individu atau entiti atau organisasi yang menggunakan data SKPG.

3.10 Pentadbir Data

Individu atau pasukan yang bertanggungjawab untuk mengurus, mengguna dan menghasilkan data secara efektif dan efisien dalam memastikan penyediaan, pematuhan, pengurusan, dan capaian data secara berkualiti.

3.11 Pengurusan Data

Proses merancang, mengumpul, menyusun, menyimpan, mengurus, dan menganalisis data SKPG. Pengurusan data penting untuk memastikan kebolehpercayaan, kualiti, dan keselamatan terjamin.

3.12 Pengurusan Kualiti Data

Proses yang perlu dilaksanakan oleh *data steward*, pentadbir data, dan/atau pemilik data untuk memastikan data adalah lengkap, tepat, konsisten, terkini dan boleh dipercayai.

3.13 Pengurusan Keselamatan Data: Kerahsiaan, Integriti, dan Ketersediaan

Tadbir urus keselamatan data SKPG dari segi kerahsiaan (*confidentiality*), integriti (*integrity*) dan ketersediaan (*availability*). Kerahsiaan merujuk kepada keadaan untuk memastikan data dan maklumat boleh dibaca oleh pihak yang berhak sahaja, dilindungi dari pihak yang tidak berkenaan dan tidak didedahkan sewenang-wenangnya atau dibiarkan dicapai tanpa kebenaran. Integriti pula memastikan data dan maklumat adalah tepat dan lengkap seperti asal serta dikemaskini atau diubah dengan cara yang dibenarkan. Ketersediaan merujuk kepada memastikan data dan maklumat boleh digunakan dan dicapai pada bila-bila masa oleh pengguna yang sah dan dibenarkan sahaja.

3.14 Penyelaras SKPG

Penyelaras SKPG merupakan pegawai yang dilantik oleh pihak IPT yang bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan SKPG dan juga bertindak sebagai urus setia SKPG bagi IPT masing-masing. Tanggungjawab penyelaras SKPG termasuklah membekalkan data profil graduan melalui

sistem Anjung SKPG, membuat hebahan mengenai SKPG kepada graduan, memantau kadar respons dan kadar kebolehpasaran graduan (graduate employability; GE) serta menganalisis hasil dapatan kaji selidik bagi tujuan pelaporan kepada pengurusan tertinggi IPT.

3.15 Sistem Anjung SKPG

Sistem Anjung SKPG merupakan platform aplikasi web yang digunakan oleh pentadbir data dan pemilik data untuk tujuan mentadbir urus data SKPG. Kemudahan ini membolehkan pihak IPT memuat naik data graduan tahun kajian ke sistem Anjung SKPG bagi membantu pihak IPT menyemak kesempurnaan, kesahihan dan kualiti data. Sistem ini juga memaparkan dokumen rujukan SKPG, penyertaan graduan, dapatan ringkas kajian bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya.

3.16 Sistem SKPG

Sistem SKPG merupakan satu sistem yang digunakan oleh KPT dalam mengumpul data profil graduan baharu dari IPTA, IPTS, ILKA dan lain-lain institusi. Sistem ini adalah platform instrumen kaji selidik untuk mengumpul maklum balas daripada graduan berkaitan status pekerjaan termasuk kebolehpasaran graduan, maklumat pekerjaan, penilaian graduan terhadap program pengajian dan kemudahan prasarana di institusi serta kemahiran bahasa dan ICT.

3.17 Tadbir Urus Data

Tadbir urus data merupakan proses mengelola ketersediaan, kegunaan, integriti dan keselamatan data bagi sesebuah organisasi dalam memastikan data konsisten, boleh dipercayai, selamat, tepat, boleh diguna pakai, dan tidak disalahgunakan.

3.18 Portal Graduates Reference Hub for Employment and Training (GREaT)

Portal Graduates Reference Hub for Employment and Training (GREaT) adalah portal sehenti kepada graduan untuk mendapatkan maklumat

mengenai peluang kerjaya, program, dan tips meningkatkan kebolehpasaran graduan yang diselia oleh KPT. Melalui portal GREaT ini juga maklumat SKPG yang bersifat data terbuka dikongsi kepada umum.

4.0 LATAR BELAKANG

- 4.1 Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) merupakan platform bagi instrumen kaji selidik untuk mengumpul data profil graduan baharu, status dan maklumat pekerjaan serta persepsi graduan mengenai pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran. Instrumen kaji selidik dalam sistem ini disemak setiap dua (2) tahun sekali oleh jawatankuasa soal selidik yang terdiri daripada pemilik data, wakil industri, dan pemegang taruh yang lain.
- 4.2 Pengumpulan data SKPG secara berpusat adalah penting kerana data SKPG merupakan sumber rujukan utama berkaitan kadar kebolehpasaran graduan negara. Kadar kebolehpasaran graduan berupaya memberikan indikasi tentang keupayaan ekosistem pengajian tinggi negara sama ada berjaya mengeluarkan graduan yang berkualiti serta memenuhi permintaan semasa tenaga kerja daripada industri atau sebaliknya. Oleh itu, komitmen yang padu daripada pihak IPT sangat signifikan dalam memastikan kadar respons graduan adalah optimum.
- 4.3 Data SKPG telah digunapakai oleh pelbagai pemegang taruh termasuk pihak kementerian dan agensi seperti Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Ekonomi (KE), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan lain-lain untuk tujuan membuat keputusan dan merancang strategi bukan sahaja bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan negara malahan juga menambah baik ekosistem pasaran buruh di Malaysia.

- 4.4 Penglibatan para pemegang taruh sangat penting kerana ia menjadi salah satu pemangkin dalam membantu merealisasikan usaha KPT memperkasakan sektor pendidikan tinggi Malaysia di mata dunia.
- 4.5 Oleh kerana penggunaan data SKPG sangat penting, maka pihak KPT sentiasa menyemak dan mengaudit data yang dibekalkan oleh IPT bagi memastikan ianya lengkap dan sempurna sebelum dianalisis. Ia bertujuan untuk memastikan kualiti data dan maklumat SKPG adalah terjamin.

5.0 FAEDAH GARIS PANDUAN

Antara faedah yang diperolehi melalui garis panduan ini adalah:

5.1 Jaminan Kualiti Data

Data asas graduan yang dibekalkan oleh pembekal data ke sistem Anjung SKPG melalui poses semakan kualiti data bagi memastikan data tersebut lengkap, tepat dan konsisten mengikut format yang telah ditetapkan oleh *data steward* dan disahkan bilangan graduan yang dihantar oleh pemilik data sebelum tarikh *cut off date* data SKPG oleh KPT.

5.2 Jaminan Keselamatan Data: Kerahsiaan, Integriti, dan Ketersediaan

Melindungi data SKPG daripada kesan kegagalan atau kelemahan dari segi kerahsiaan (*confidentiality*), integriti (*integrity*) dan ketersediaan (*availability*) adalah penting. Kerahsiaan merujuk kepada memastikan data dan maklumat boleh dibaca oleh pihak yang berhak sahaja, dilindungi dari pihak yang tidak berkenaan dan tidak didedahkan sewenang-wenangnya atau dibiarkan dicapai tanpa kebenaran. Integriti pula memastikan data dan maklumat adalah tepat dan lengkap seperti asal serta dikemaskini atau diubah dengan cara yang dibenarkan. Ketersediaan merujuk kepada memastikan data dan maklumat boleh digunakan dan dicapai pada bila-bila masa oleh pengguna yang sah dan dibenarkan sahaja.

5.3 Memaksimumkan Penggunaan

Memastikan ketersediaan data SKPG sentiasa berada dalam keadaan berkualiti dan terkini bagi membolehkan penggunaan yang lebih meluas dan bernilai untuk dimanfaatkan oleh pemegang taruh dan masyarakat.

5.4 Memudahkan Perkongsian dan Pengintegrasian Data

Semakan dan pemantauan kualiti data SKPG secara berterusan dapat memudahkan perkongsian dan pengintegrasian dengan sistem berkaitan. Set data secara berasingan juga boleh diwujudkan mengikut keperluan tertentu.

5.5 Pemilikan Maklumat

Penentuan pemilikan bagi set data SKPG membolehkan pengguna mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap penghantaran, pengurusan data, dan pembangunan piawaian bagi data tersebut.

5.6 Membuat Keputusan dengan Lebih Baik

Ketersediaan data dan maklumat akan memudahkan proses membuat keputusan tanpa melibatkan proses yang berulang. Kebolehcapaian data SKPG oleh pihak KPT dan pemegang taruh membolehkan keputusan penting melibatkan kebolehpasaran graduan dapat dilakukan dengan lebih tepat dan berkesan.

5.7 Pengurusan Gudang Data

Pembangunan dan penyelenggaraan gudang data, *data mart*, instrumen pelaporan dan penganalisan data secara efisien dapat memaksimumkan nilai data serta meningkatkan keberkesanan dan kecekapan tadbir urus dan penggunaan data SKPG.

6.0 PRINSIP TADBIR URUS DATA

Beberapa prinsip utama perlu diberi penekanan dalam tadbir urus data iaitu:

6.1 Kualiti (*Quality*)

Data yang dibekalkan oleh pemilik data perlu berkualiti di mana data tersebut perlu disemak dan disahkan di peringkat institusi masing-masing. Ini bertujuan untuk memastikan data lengkap, tepat, konsisten, terkini dan boleh dipercayai.

Ciri Kualiti	Penerangan
Tiada Pertindihan Data	Tahap di mana data mempunyai atribut yang betul-betul mewakili nilai sebenar atribut yang diinginkan bagi satu konsep atau peristiwa dalam konteks penggunaan tertentu. Misalnya nombor kad pengenalan kurang atau lebih daripada 12 digit, 6 digit pertama dalam kad pengenalan tidak sepadan dengan tarikh lahir, data yang mempunyai nilai yang tidak logik seperti umur graduan kurang daripada 14 tahun dan lain-lain.
Data Tepat	Tahap di mana data subjek yang berkaitan dengan entiti mempunyai nilai untuk semua atribut yang dijangkakan dan entiti berkaitan dalam satu konteks penggunaan yang khusus. Misalnya data nama tidak boleh mempunyai nilai NULL atau <i>blank</i> .
Data Konsisten	Tahap di mana data mempunyai atribut yang bebas daripada pertentangan dan selaras dengan data lain dalam satu konteks penggunaan tertentu. Ia boleh sama ada atau kedua-duanya antara data berkenaan satu entiti dan merentas data yang serupa untuk entiti yang setanding. Misalnya penyediaan data mengikut format data yang dipersetujui seperti semakan nombor matrik berbeza bagi pelajar yang sama.

Ciri Kualiti	Penerangan
Data Terkini	Tahap di mana data mempunyai atribut yang dianggap benar dan boleh dipercayai oleh pengguna dalam satu konteks penggunaan yang khusus. Kredibiliti merangkumi konsep keaslian (kebenaran asal, pemberian, komitmen). Ia merujuk kepada pengesahan pemilik data.
Data Boleh Dipercayai	Tahap di mana data mempunyai atribut yang betul dan terkini dalam satu konteks penggunaan yang khusus. Ia merujuk kepada data dikemas kini, terkini menepati <i>cut-off date</i> yang ditetapkan.

6.2 Keselamatan

Keselamatan data SKPG dilaksanakan bagi melindungi data daripada kesan kegagalan atau kelemahan dari segi kerahsiaan (*confidentiality*), integriti (*integrity*) dan ketersediaan (*availability*). Data perlu dilindungi dari kehilangan, diubahsuai, dimusnahkan atau dicapai secara tidak sah sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.

6.3 Privasi

Capaian dan perkongsian data terutama bagi data terkawal dan sensitif perlu mematuhi perundangan, peraturan dan perjanjian yang tertakluk di bawah akta tertentu seperti Akta 709, iaitu Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

6.4 Kebolehpercayaan (*Reliability*)

Data dikumpul menggunakan menggunakan instrumen SKPG yang disemak dua (2) tahun sekali oleh pihak KPT bersama penyelar IPT dan pemegang taruh sebagai Jawatankuasa Teknikal Kajian Pengesanan Graduan bagi memastikan kaji selidik yang dijalankan adalah relevan dengan keperluan pihak kerajaan, pemegang taruh dan keadaan semasa.

6.5 Piawaian (*Standard*)

Data yang dibekalkan perlu mematuhi piawaian tertentu yang telah dipersetujui oleh pihak KPT seperti penggunaan Kod Pendidikan Nasional (*National Education Code*; NEC) bagi penentuan kod bidang pengajian, kod Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (*Malaysian Standard Classification of Occupation*; MASCO) bagi pengelasan pekerjaan dalam struktur guna tenaga negara dan kod Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (*Malaysian Standard Industrial Classification*; MSIC) bagi sektor ekonomi/klasifikasi industri. Di samping itu, perlu juga mematuhi Kamus Data KPT dan kod rujukan dalam Data Dictionary Sektor Awam (DDSA).

6.6 Pematuhan Undang-undang (*Legal Conformity*)

Capaian data perlu menghormati hak-hak undang-undang dan kepentingan semua pihak yang berkepentingan. Capaian dan tadbir urus data adalah tertakluk kepada pelbagai keperluan perundangan seperti keselamatan negara, kerahsiaan, privasi dan hak harta intelek.

6.7 Akauntabiliti

Akauntabiliti merujuk kepada kewajipan pihak bertanggungjawab dalam menjalankan tugas yang diamanahkan berkaitan dengan tadbir urus dan penggunaan data SKPG dengan mengikut lunas undang-undang, tatacara dan arahan yang ditetapkan pihak kerajaan.

6.8 Kelestarian (*Sustainability*)

Kelestarian merujuk kepada ekosistem SKPG yang sentiasa diselenggara dan ditambah baik secara berterusan bagi memastikan data yang disimpan adalah berkualiti dan selamat serta dapat digunakan dalam jangka masa yang lama.

7.0 KLASIFIKASI DATA

Pihak pemegang taruh perlu memahami tentang klasifikasi data kerana tidak semua data boleh disalurkan kepada pemegang taruh atau pihak ketiga. Data SKPG boleh diklasifikasikan seperti berikut:

7.1 Data Kekal (*Static Data*)

Merujuk kepada data yang tidak berubah seperti nombor matrik graduan, nama graduan, nombor kad pengenalan dan jantina yang dianggap unik.

7.2 Data Berubah (*Dynamic Data*)

Merujuk kepada data yang perlu dikemas kini dari semasa ke semasa seperti status pekerjaan dan maklumat pekerjaan.

7.3 Data Terbuka (*Open Data*)

Merujuk kepada data yang boleh digunakan secara bebas, dikongsi atau digunakan semula oleh semua kategori pengguna termasuk individu, agensi sektor awam atau swasta untuk sebarang tujuan selagi mana tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Data terbuka terbahagi kepada dua (2) kategori (rujuk Lampiran 1), iaitu:

- a. **Data Kategori A:** Data yang lazimnya disebar luas melalui penerbitan atau secara elektronik. Contohnya, data yang telah diterbitkan dalam Laporan Tahunan Kajian Pengesanan Graduan, Buku Statistik Pendidikan Tinggi, dashboard statistik di portal KPT dan carian GE seperti yang terdapat pada portal GREaT KPT.
- b. **Data Kategori B:** Data terbuka bersifat kompleks yang memerlukan penganalisan yang lebih panjang dan pemahaman data yang lebih mendalam, adakalanya memerlukan pengetahuan berkaitan dengan bidang pendidikan tinggi. Contoh kategori ini adalah data keluaran graduan mengikut trend, mengikut taraf kewarganegaraan, mengikut pendapatan bulanan keluarga, pendapatan bulanan graduan,

mengikut bidang pengajian dan sebagainya. Data ini diperlukan oleh pihak KPT atau pemegang taruh untuk tujuan tertentu seperti menghasilkan buku Laporan Kajian Pengesanan Graduan, input sokongan kepada jawapan soalan parlimen dan membuat perancangan strategik.

7.4 Data Sulit (*Confidential Data*)

Merujuk kepada data yang tidak boleh dikongsikan secara bebas. Data ini hanya boleh dicapai dengan kebenaran pemilik data atau pihak KPT sahaja bagi tujuan pengguna sistem lain, termasuk perkongsian data dengan agensi luar. Data sulit terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu:

- a. Data Kategori C:** Data yang mengandungi unsur-unsur sensitif contohnya yang berkaitan dengan agama, bangsa dan taraf bumiputera. Data ini hanya dikongsi bersama agensi-agensi kerajaan yang bersesuaian mengikut isu dan kepentingan.
- b. Data Kategori D:** Data yang melibatkan maklumat peribadi individu yang dilindungi di bawah Akta 709, iaitu Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Contoh data dalam kategori ini adalah nama, nombor kad pengenalan, alamat kediaman, nombor telefon, e-mel, Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan maklumat status Orang Kurang Upaya (OKU) tentang kesihatan fizikal dan mental.

8.0 JENIS CAPAIAN

8.1 Capaian Terbuka

Merujuk kepada capaian ke atas data dan maklumat yang dihebahkan di dalam sistem aplikasi di bawah pengurusan KPT. Ini merujuk kepada data dan maklumat yang berkaitan dengan SKPG haruslah boleh dicapai dengan mudah tanpa melalui sebarang proses pendaftaran/kebenaran.

8.2 Capaian Berdaftar

Merujuk kepada capaian ke atas data sulit yang mesti melalui proses pendaftaran/kebenaran yang ditetapkan oleh pihak KPT. Capaian hanya akan disediakan kepada pihak yang diberi kelulusan dengan melalui tatacara yang ditetapkan.

9.0 TATACARA PENGURUSAN TADBIR URUS DATA SKPG

Garis panduan Tadbir Urus Data SKPG terpakai kepada semua data dan maklumat yang diwujudkan, dihasilkan, dikumpul dan disimpan melalui gudang data SKPG. Ia melibatkan tiga (3) tatacara utama (rujuk Lampiran 2) iaitu:

- a. Tatacara pengurusan data SKPG;
- b. Tatacara pengurusan kualiti data SKPG; dan
- c. Tatacara pengurusan keselamatan data SKPG.

9.1 Tatacara Pengurusan Data SKPG

Tatacara ini disediakan bagi memantapkan proses persediaan dan penghantaran data asas graduan serta pelaksanaan kaji selidik.

9.1.1 Proses Persediaan Pengurusan Data SKPG

Proses persediaan terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu:

- a. Proses persediaan di peringkat IPT (UA/IPTS/IPT lain);
- b. Proses persediaan di peringkat kementerian bagi setiap kategori ILKA (termasuk politeknik dan kolej komuniti); dan
- c. Proses persediaan di peringkat ILKA (termasuk politeknik dan kolej komuniti).

9.1.1.1 Proses Persediaan Pengurusan di Peringkat IPT (UA/IPTS/IPT Lain)

- a. Setiap IPT perlu melantik pegawai penyelarar Kajian Pengesanan Graduan di institusi masing-masing.
- b. Tanggungjawab Penyelarar ialah:
 - i. Menyelarar pelaksanaan SKPG dan juga bertindak sebagai urus setia SKPG bagi IPT masing-masing;
 - ii. Membekalkan data profil graduan melalui sistem Anjung SKPG;
 - iii. Membuat hebahan mengenai SKPG kepada graduan; dan
 - iv. Memantau kadar respons dan kadar kebolehpasaran graduan (GE) serta menganalisis hasil dapatan kaji selidik bagi tujuan pelaporan kepada pengurusan tertinggi IPT.

9.1.1.2 Proses Persediaan di Peringkat Kementerian bagi Setiap Kategori ILKA (Termasuk Politeknik dan Kolej Komuniti)

- a. Setiap kementerian melantik pegawai penyelarar Kajian Pengesanan Graduan di peringkat kementerian yang bertanggungjawab menyediakan data.
- b. Tanggungjawab Penyelarar di Kementerian:
 - i. Penyelarar SKPG di kementerian bertanggungjawab menyelarar pelaksanaan SKPG dan juga bertindak sebagai urus setia SKPG bagi kementerian masing-masing;
 - ii. Membekalkan data profil graduan melalui sistem Anjung SKPG;

- iii. Memantau kadar respons dan kadar kebolehpasaran graduan (GE); dan
- iv. Menganalisis hasil dapatan kaji selidik bagi tujuan pelaporan kepada pengurusan tertinggi kementerian.

9.1.1.3 Proses Persediaan di Peringkat ILKA (Termasuk Politeknik dan Kolej Komuniti)

- a. Setiap ILKA juga perlu melantik penyelararas kajian di peringkat institusi masing-masing, dan penyelararas ini bertanggungjawab terhadap data/maklumat yang disalurkan oleh institusi masing-masing kepada Sistem SKPG.
- b. Tanggungjawab Penyelararas di ILKA:
 - i. Menyelararas pelaksanaan SKPG dan juga bertindak sebagai urus setia SKPG bagi ILKA masing-masing;
 - ii. Membekalkan data profil graduan kepada penyelararas SKPG di kementerian sekiranya pengumpulan data pelajar masih belum berpusat;
 - iii. Membuat hebahan mengenai SKPG kepada graduan;
 - iv. Memantau kadar respons dan kadar kebolehpasaran graduan (GE); dan
 - v. Menganalisis hasil dapatan kaji selidik bagi tujuan pelaporan kepada pengurusan tertinggi ILKA.

9.1.2 Proses Penghantaran Data SKPG

Penghantaran data SKPG melibatkan langkah-langkah berikut:

- a. Pihak KPT akan menghantar surat/e-mel atau membuat panggilan telefon kepada pihak IPT/ILKA bagi menjemput menyertai SKPG.

- b. Pihak IPT/ILKA akan mengemukakan kalendar akademik masing-masing bagi memberi maklumat tarikh konvokesyen kepada KPT.
- c. Data *steward* KPT akan memaklumkan kepada penyelaras SKPG IPT/ILKA tentang kesediaan format data asas graduan terkini di sistem Anjung SKPG.
- d. Penyelaras SKPG di IPT/ILKA bertanggungjawab menyediakan data asas graduan dan memuat naik data asas tersebut ke sistem Anjung SKPG mengikut format data yang ditetapkan.
- e. Seterusnya proses semakan data asas graduan dilakukan oleh pentadbir data KPT berpandukan tatacara pengurusan kualiti data SKPG.
- f. Jika data telah lengkap, data akan dimuat naik ke dalam sistem SKPG.
- g. Pihak penyelaras SKPG di IPT/ILKA akan memaklumkan kepada graduan baharu mengenai capaian ke SKPG melalui surat kehadiran konvokesyen.
- h. Pentadbir data KPT akan memastikan sistem sentiasa dipantau untuk kelancaran proses kemasukan data.
- i. Di samping itu, penyelaras SKPG akan sentiasa memantau proses kemasukan data graduan ke SKPG bagi memastikan kadar respons melebihi 85.0 peratus.
- j. Pentadbir data KPT bertanggungjawab untuk memberi maklum balas sekiranya terdapat aduan daripada penyelaras SKPG di IPT/ILKA berkaitan permasalahan sistem (contoh: *server down*) atau sebarang aduan daripada graduan semasa mengisi borang kaji selidik (contoh: terdapat data yang tidak tepat, data berubah dan sebagainya).

- k. *Data steward* SKPG akan menghantar peringatan kepada penyelaras SKPG di IPT berkaitan tarikh tutup sistem.
- l. Seterusnya, pihak penyelaras SKPG menyemak dan membuat pengesahan jumlah graduan melalui sistem SKPG.
- m. Penyelaras SKPG juga bertanggungjawab memaklumkan kepada graduan untuk mengemaskini status dan maklumat pekerjaan dalam SKPG 2.0.
- n. Pihak IPT/ILKA boleh menjana laporan ringkas berdasarkan data *cut-off date* (cod) pada menu SKPG-*Historical Data*.
- o. Penyelaras SKPG juga boleh menjana laporan secara tahunan (*historical*) atau tahun semasa menggunakan menu dalam sistem Anjung SKPG.

9.2 Tatacara Pengurusan Kualiti Data SKPG

9.2.1 Pengurusan Data Graduan

- a. Apabila pemilik data telah menghantar data melalui sistem Anjung SKPG, pentadbir data akan membuat semakan data.
- b. Pentadbir data KPT akan membuat semakan data asas graduan dari segi format, keselarasan data, data berulang dan kesahihan data. Data yang tepat akan disimpan. Sebaliknya, jika data tidak tepat, ia perlu dibuat pembetulan oleh pemilik data IPT/ILKA dan dihantar semula ke sistem Anjung SKPG.
- c. Proses semakan data ini penting bagi memastikan prinsip utama tadbir urus data dipatuhi serta memastikan jaminan kualiti data yang disimpan dalam sistem SKPG.
- d. Di samping semakan kualiti data, pemantauan kualiti juga dilakukan melalui audit kualiti data yang dilaksanakan secara berterusan bagi

memastikan data berkaitan dengan graduan baharu dimasukkan oleh pengguna yang sah.

9.2.2 Semakan Instrumen SKPG

Semakan instrumen SKPG dijalankan dua (2) tahun sekali. Berikut adalah tatacara semakan instrumen:

a. Pengumpulan Maklum Balas dari Pemegang Taruh

Pengumpulan maklum balas atau input dilaksanakan terlebih dahulu sebelum semakan instrumen SKPG dibuat agar soal selidik yang dibangunkan terus relevan. Antara pemegang taruh yang terlibat ialah Kementerian Ekonomi (KE), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Malaysian Investment Development Authority (MIDA), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Khazanah Research Institute (KRI) dan lain-lain mengikut kesesuaian.

b. Mengadakan Bengkel Semakan Instrumen

Seterusnya, bengkel semakan instrumen dijalankan dengan penglibatan wakil-wakil daripada DOSM, KESUMA, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), semua penyelaras SKPG di UA dan ILKA serta beberapa penyelaras IPTS yang bertaraf universiti atau kolej universiti.

Semasa bengkel ini, instrumen akan disemak secara menyeluruh bagi ketiga-tiga kategori soal selidik secara berkumpulan, iaitu instrumen SKPG1, SKPG-TVET dan SKPG2.0. Cadangan penambahbaikan dari peserta bengkel akan dibentangkan untuk dinilai dan diputuskan sama bersetuju atau tidak bersetuju dengan penambahbaikan tersebut berserta justifikasi.

c. Pembentangan Instrumen yang Telah Dikemas kini

Akhirnya, instrumen yang baharu akan dibentangkan kepada kumpulan kecil mengikut keperluan.

9.3 Tatacara Pengurusan Keselamatan Data SKPG

Pengurusan keselamatan data SKPG dilihat dari segi kawalan capaian data dan kawalan pangkalan data. Tujuan tatacara ini disediakan adalah untuk melindungi data dan maklumat SKPG sepanjang kitaran hayatnya dari berlakunya sebarang kecurian atau capaian tanpa kebenaran.

9.3.1 Kawalan Capaian Data SKPG

Kawalan capaian data SKPG disediakan untuk menjaga kerahsiaan, integriti, dan ketersediaan data serta memastikan hanya pengguna yang sah sahaja yang boleh mencapai data tersebut. Data SKPG diklasifikasikan kepada data terbuka dan data sulit (rujuk Bahagian 7.0 Takrifan Data Terbuka dan Data Sulit).

Berikut merupakan panduan umum bagi kawalan capaian data sulit:

- a. Kenalpasti data sulit yang diperlukan oleh pengguna data serta tujuan penggunaan data.
- b. Antara kaedah kawalan capaian yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - i. Kawalan penggunaan ID - capaian adalah unik mengikut IPT/ILKA di mana setiap penyelaras SKPG dibekalkan hanya satu ID sahaja;
 - ii. Melaksanakan mekanisme pengesahan ID pengguna yang efektif seperti penggunaan kombinasi kata laluan dari pelbagai aksara huruf besar, huruf kecil, simbol dan nombor; dan
 - iii. Menggunakan ID Sesi (*Session ID*) yang dijanakan bagi setiap sesi yang disahkan. ID Sesi akan bertindak sebagai *token* yang

mengesahkan sebarang permintaan daripada pengguna. Penggunaan ID sesi dapat meningkat keselamatan dengan tidak bergantung kepada kata nama dan kata laluan semata-mata.

- c. Penggunaan ID pengguna - adalah berdasarkan permohonan kepada KPT.
- d. Hak capaian data dan maklumat adalah di bawah tanggungjawab pengguna.
- e. Memberhentikan capaian ke sistem Anjung SKPG setelah lima (5) kali percubaan kata laluan gagal. Justeru, permohonan baru perlu dikemukakan.
- f. Memberhentikan semua akses serta kemudahan penggunaan data kepada pengguna yang telah tamat perkhidmatan atau berpindah jabatan.
- g. Menyediakan sistem jejak audit (*audit trail*) bagi memantau setiap transaksi terhadap data dan maklumat untuk tujuan audit dan menentukan akauntabiliti semua pengguna.
- h. KPT dan IPT/ILKA bertanggungjawab memastikan semua perisian dan aplikasi yang digunakan adalah berlesen dan sah digunakan.
- i. KPT tidak akan bertanggungjawab ke atas penggunaan perisian dan aplikasi yang tidak berlesen (*freeware/open source*).

9.3.2 Kawalan Pangkalan Data

Integriti data dan maklumat yang disimpan dalam pangkalan data SKPG adalah kekal dan terjamin. Tujuan utama kawalan pangkalan data adalah untuk mencegah capaian yang tidak sah, melindungi data dari kerosakan dan kehilangan, dan mengelak dari perubahan data yang tidak dibenarkan.

Antara kaedah kawalan pangkalan data yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Setiap capaian pangkalan data akan dibenarkan melalui penggunaan ID dan kata laluan yang diberikan oleh pihak KPT.
- b. Keperluan dan kelulusan kepada penggunaan data dan maklumat akan ditentukan oleh Pentadbir Data KPT, melalui borang permohonan penggunaan data (rujuk Lampiran 3). Mengawal penggunaan data sulit atau sangat sensitif seperti maklumat peribadi, pendapatan, bangsa, taraf bumiputera dan agama.
- c. Menghadkan penggunaan kepada pihak yang benar-benar memerlukannya sahaja atau bertepatan dengan tujuan yang dibenarkan oleh KPT.
- d. Membuat pemberitahuan (*flag system/notification*) sekiranya penggunaan data tanpa kebenaran dilakukan.
- e. Memastikan semua penggunaan data dan maklumat didokumenkan.
- f. KPT dan IPT/ILKA bertanggungjawab mengawal versi data dan maklumat apabila berlaku perubahan pada data dan memastikan kawalan perubahan data sentiasa dipatuhi.
- g. KPT dan IPT/ILKA bertanggungjawab memastikan semua pangkalan data yang digunakan adalah berlesen dan sah digunakan.
- h. KPT tidak akan bertanggungjawab ke atas penggunaan pangkalan data yang tidak berlesen (*freeware/open source*).
- i. Pentadbir data hendaklah memastikan semua penggunaan data sistem KPT berada dalam keadaan selamat dan terkawal.
- j. Membuat penilaian risiko terhadap penggunaan data dan maklumat secara berkala ke atas pangkalan data sistem KPT bagi mengenal

pasti risiko yang wujud serta mengambil tindakan yang bersesuaian bagi memastikan kesediaan data berada di tahap yang terbaik.

- k. Melakukan data pendua (*backup*) secara berkala dan memastikan proses pemulihan data berfungsi dengan baik jika berlaku kerosakan dan kehilangan data.
- l. Menempatkan pelayan (server) bagi pangkalan data SKPG di lokasi yang selamat.
- m. Melakukan penyelenggaraan secara berkala ke atas pangkalan data SKPG dan pelayan.

10.0 KERANGKA PERUNDANGAN HAK MILIK DATA SKPG

Data dan maklumat adalah hak milik KPT dan berada di bawah pengurusan dan pengawalan KPT untuk digunakan oleh pihak yang memerlukan. Penggunaan dan tadbir urus data di bawah garis panduan ini tidak boleh melanggar mana-mana akta dan peraturan KPT. Kerangka perundangan garis panduan ini juga diselaraskan dengan akta dan peraturan yang berkaitan dengan data dan maklumat Kerajaan Malaysia.

11.0 PENUTUP

Garis Panduan Tadbir Urus Data SKPG ini menyediakan tatacara pengurusan data, pengurusan kualiti data, dan pengurusan keselamatan data SKPG. Semua pemilik data SKPG hendaklah mematuhi Garis Panduan Tadbir Urus Data SKPG bagi memastikan kualiti dan keselamatan data terjamin. Garis Panduan Tadbir Urus Data SKPG ini disediakan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus data SKPG.

12.0 RUJUKAN


1. Polisi Pengintegrasian dan Tadbir Urus Data dan Kerangka Kerja Pengintegrasian Data Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2024
<https://www.mohe.gov.my/warga/muat-turun/pekeliling/data/1492-surat-pekeling-ketua-setiausaha-kementerian-pendidikan-tinggi-bilangan-1-tahun-2024-polisi-pengintegrasian-dan-tadbir-urus-data-kpt-kerangka-kerja-pengintegrasian-data-kpt-pdf/file>
2. Kerangka Kerja Pengintegrasian Data Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 1 Tahun 2024
<https://www.mohe.gov.my/warga/muat-turun/pekeliling/data/1492-surat-pekeling-ketua-setiausaha-kementerian-pendidikan-tinggi-bilangan-1-tahun-2024-polisi-pengintegrasian-dan-tadbir-urus-data-kpt-kerangka-kerja-pengintegrasian-data-kpt-pdf/file>
3. Garis Panduan Perkongsian Data Jabatan Perkhidmatan Awam;
<https://docs.jpa.gov.my/docs/flipbook/Garis-Panduan-Perkongsian-Data-JPA/>
4. Garis Panduan Pengurusan ICT: Pangkalan Data (UiTM);
https://kedah.uitm.edu.my/images/circular/Garis_Panduan_Pengurusan_ICT__06_Tahun_2020.pdf
5. Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (Cloud Computing) Dalam Perkhidmatan Awam;
https://www.jpm.gov.my/images/surat_pekeling/2021-SPA_BIL2_-_Garis_Panduan_Pengurusan_Keselamatan_Maklumat_Melalui_Pengkomputeran_Awan_Cloud_Computing_Dalam_Perkhidmatan_Awam.pdf?fbclid=IwAR2hW1WAnRnIC6oC474bkNoZTd5HRqYG7MrV43xuyh8FsMAvgq7jEYiQhos
6. Garis Panduan Perkongsian Data Kementerian Pendidikan Tinggi Bersama Pihak Media
<https://www.mohe.gov.my/warga/muat-turun/manual-dan-garis-panduan/pengurusan-data/356-garis-panduan-perkongsian-data-kpt-bersama-media/file>

LAMPIRAN 1


KATEGORI DATA			
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI			
Kategori Data	Keterangan	Contoh Pemohon	Pelulus
Kategori A (Data bersifat umum dan mudah)	Kategori ini meliputi data dan maklumat yang mempunyai kepentingan umum, lazimnya disebar luas oleh Seksyen Data (SD) melalui penerbitan atau secara elektronik. Contohnya, data yang diterbitkan di dalam Buku Statistik Pendidikan Tinggi, <i>Quick Facts</i> Pendidikan Tinggi di portal GREaT, dashboard statistik di portal KPT dan Laporan Kajian Pengesanan Graduan.	Semua pemegang taruh KPT	TSUB, KPSU Seksyen Data, BPS
Kategori B (Data kompleks tetapi bersifat umum)	Data kategori ini memerlukan penganalisan yang lebih panjang dan pemahaman data yang lebih mendalam, ada kalanya memerlukan pengetahuan statistik yang mencukupi. Data dan maklumat berbentuk ini biasa diperlukan oleh agensi-agensi kerajaan seperti MOF, KE, KESUMA, MOSTI, para penyelidik, pelajar, kerajaan negeri dan badan-badan berkanun.	Agensi/Jabatan Kerajaan dan Swasta, Penyelidik, Pelajar, NGO, Agensi asing	SUB BPS, TSUB Seksyen Data
Kategori C (Data Sulit dan Maklumat Terhad)	Data kategori ini mengandungi unsur-unsur sensitif seperti agama, bangsa, kaum dan lain-lain maklumat yang telah di klasifikasi sebagai sensitif. Data ini lazimnya dikongsi antara agensi-agensi kerajaan yang difikirkan wajar sahaja dan tidak di kongsi dengan pihak bukan kerajaan.	KE, JDN, MOF, MITI, Kementerian, Jabatan, Kerajaan Negeri	KSU
Kategori D (Data dan Maklumat Sulit)	Data kategori ini mengandungi maklumat peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat kediaman, nombor telefon, e-mel, PNGK dan lain-lain yang tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) (Akta 709).	JIM, PDRM, MOF, DOSM, SPA, LHDN	KSU
<i>Data Kategori C dan D tidak boleh diberi kepada mana-mana penyelidik</i>			

Rajah L1.1: Kategori Data KPT dan Pelulus

LAMPIRAN 2



Rajah L2.1: Proses Kerja Tadbir Urus Data SKPG



Rajah L2.1: Proses Kerja Tadbir Urus Data SKPG (samb.)

LAMPIRAN 3



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI/ MINISTRY OF HIGHER EDUCATION
 Bahagian Perancangan strategik (BPS)/ Strategic Planning Division
 Seksyen Data/ Data Section
 Aras 3, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62200 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel : 603 8870 6000
 Faks : 603 8870 6809
 Laman web : <http://www.mohe.gov.my>
 Emel : sdbps@mohe.gov.my

PERMOHONAN DATA / DATA REQUEST

Nama/ Name	
Jawatan/ Designation	
No. K.P./Pasport NRIC/ Passport No.	
No. Tel./ Emel/ No. Fax Tel. No/ Email/ Fax No.	
Organisasi/ Organisation	
Unit/Jabatan/Bahagian Unit/Department/Division	
Data yang diperlukan/ Data Information required	

Sila lampirkan bersama jadual atau template dalam format spreadsheet. Boleh merujuk kepada bentuk jadual di bawah terbitan buku/ laporan pada portal Kementerian Pendidikan Tinggi. Sila lampirkan bersama dokumen sokongan berkaitan.
 Please attach the table(s) or template(s) in spreadsheet format. You may refer to the sample table(s) as published or reported via Ministry of Higher Education portal. Please attach relevant supporting document(s).

Tujuan permohonan/ Request purpose	☐ Mesyuarat/Persidangan/Seminar/Lawatan/Bengkel Meeting/Conference/Seminar/Visit/Workshop	Sila nyatakan/ Please indicate:
	☐ Parlimen/KPI/ Parliament	
	☐ Kajian/Penyelidikan/Research	
	☐ Kertas Kerja/Laporan/Pembentangan/Penerbitan Paperwork/Report/Presentation/Publication	
	☐ Lain-lain/Others	

PERAKUAN / DECLARATION

Saya mengaku bahawa data/maklumat yang dipohon hanya digunakan untuk tujuan yang dinyatakan sahaja. Saya tidak akan menyabitkan KPT dalam apa jua bentuk kerugian, kecederaan dan apa juga masalah akibat dari penggunaan data yang diterima. KPT berhak mengenakan syarat-syarat tambahan kepada data/maklumat yang dipohon dari semasa ke semasa.

I declare that the requested data/information will be used for the stated purpose only. I will not charge MOHE liable for any kind of loss, injury and problem resulting from the usage of the data/information received. MOHE has the right to impose additional condition(s) to the data/information requested whenever is needed.

Tarikh/ Date

Tanda Tangan dan Cop Rasmi
Signature and Official Stamp

Borang yang lengkap boleh dihantar kepada sdbps@mohe.gov.my. Hubungi urus setia jika belum menerima maklum balas dalam masa 7 hari dari tarikh penghantaran borang.
 You may send the completed form to sdbps@mohe.gov.my. Please contact the secretariat if you didn't receive any feedback within 7 days after submission of the form.

Tandatangan pelulus/Approver signature

Rajah L3.1: Borang Permohonan Data

Contoh Akuan Pematuhan Kerahsiaan

PERAKUAN:

1. Saya mengaku bahawa data/maklumat yang dipohon hanya digunakan untuk tujuan yang dinyatakan sahaja. Data/maklumat tidak boleh diterbitkan/disimpan dengan apa juga cara elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa keizinan Ketua Setiausaha KPT. Data/maklumat tidak boleh digunakan dalam mana-mana pembentangan/penerbitan melainkan mendapat kebenaran KPT dan saya mestilah menyatakan bahawa KPT sebagai sumber rujukan. Saya tidak akan mensabitkan KPT dalam apa jua bentuk kerugian, kecederaan dan apa juga masalah akibat daripada penggunaan data. KPT berhak mengenakan syarat-syarat tambahan kepada data/maklumat yang dipohon dari semasa ke semasa.
2. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini hanyalah untuk kegunaan pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menerima dokumen ini. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah SULIT dan/atau RAHSIA (bergantung kepada klasifikasi data yang dibekalkan). Memiliki dokumen ini secara tidak sah, menggunakan dokumen ini tanpa kebenaran, pembocoran maklumat atau membuat salinan adalah tidak dibenarkan. Penerima maklumat perlu mematuhi dan tidak melanggar undang-undang berkaitan penggunaan maklumat termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Undang-undang berkaitan Harta Intelek, perlindungan di bawah *Common Law* dan lain-lain undang-undang berkaitan.
3. Sekiranya saya didapati melanggar mana-mana klausa di bawah akuan ini, tindakan undang-undang boleh diambil oleh KPT berdasarkan peruntukan undang-undang bertulis yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Tandatangan: _____

Nama: _____

No. Kad Pengenalan: _____

Tarikh: _____

Rajah L3.2: Borang Perakuan Pematuhan Kerahsiaan Data



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

GARIS PANDUAN PENGUNAAN DATA

Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)

Bahagian Perancangan Strategik,
Kementerian Pendidikan Tinggi

ISI KANDUNGAN

SENARAI RAJAH.....	ii
SINGKATAN	iii
1.0 TUJUAN	1
2.0 SASARAN PENGGUNA GARIS PANDUAN	1
3.0 TAKRIFAN.....	2
4.0 LATAR BELAKANG.....	6
5.0 FAEDAH GARIS PANDUAN	7
6.0 PRINSIP PENGGUNAAN DATA	9
7.0 KLASIFIKASI DATA	12
8.0 JENIS CAPAIAN.....	14
9.0 TATACARA PENGGUNAAN DATA SKPG	14
10.0 PENUTUP	21
11.0 RUJUKAN.....	21
LAMPIRAN 1	23
LAMPIRAN 2.....	24
LAMPIRAN 3.....	25

SENARAI RAJAH

Rajah L1.1: Kategori Data KPT dan Pelulus	23
Rajah L2.1: Aliran Kerja Penggunaan Data SKPG.....	24
Rajah L3.1 : Borang Permohonan Data	25
Rajah L3.2: Borang Perakuan Pematuhan Kerahsiaan Data	26

SINGKATAN

COD	<i>Cut-off Date</i>
DDSA	Data Dictionary Sektor Awam
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
GE	<i>Graduate Employability</i>
GREaT	Graduates Reference Hub for Employment and Training
ILKA	Institusi Latihan Kemahiran Awam
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
IPTA	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
JDN	Jabatan Digital Negara
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JPT	Jabatan Pendidikan Tinggi
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KE	Kementerian Ekonomi
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KKR	Kementerian Kerja Raya
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPSU	Ketua Penolong Setiausaha
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KSU	Ketua Setiausaha
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
MASCO	Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MIDA	Malaysian Investment Development Authority
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
MOF	Kementerian Kewangan
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MoU	<i>Memorandum of Understanding</i>
MSIC	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia

NEC	Kod Pendidikan Nasional
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
OKU	Orang Kurang Upaya
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PDPA	Akta Perlindungan Data Peribadi
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PhD	Doktor Falsafah
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
SD	Seksyen Data
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPG	Sistem Kajian Pengesanan Graduan
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SUB BPS	Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Strategik
TSUB	Timbalan Setiausaha Bahagian
UA	Universiti Awam
UiTM	Universiti Teknologi MARA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi menjelaskan mengenai tatacara penggunaan data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) dengan tujuan untuk menyelaraskan dan memastikan kecekapan penggunaan data SKPG oleh semua kategori pemegang taruh.
- 1.2 Penggunaan data dalam konteks ini merujuk kepada proses mencapai, mengguna, menyalur dan mengendalikan data SKPG oleh pemegang taruh dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh KPT.
- 1.3 Garis panduan ini juga mengandungi tatacara permohonan, verifikasi, dan penyaluran, dan pengendalian data sebagai rujukan pihak agensi sektor awam, penyelaraskan SKPG di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), penyelidik IPT dan lain-lain pemegang taruh atau pihak berkepentingan.

2.0 SASARAN PENGGUNA GARIS PANDUAN

- 2.1 Garis panduan penggunaan data ini disediakan sebagai panduan kepada pengguna berikut:
 - a. Agensi sektor awam atau swasta;
 - b. Penyelaraskan SKPG IPT;
 - c. Penyelidik IPT dan institusi penyelidikan lain; dan
 - d. Lain-lain pemegang taruh/pihak berkepentingan.

3.0 TAKRIFAN

3.1 Agensi Sektor Awam

Merujuk kepada pihak kementerian, jabatan, agensi, badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan. Contohnya, Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Ekonomi (KE), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Malaysian Investment Development Authority (MIDA), Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC), universiti awam dan lain-lain.

3.2 Data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)

Merujuk kepada data profil graduan baharu dan maklumat pengajian graduan yang dibekalkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan institusi-institusi lain melalui Sistem Anjung SKPG. Data SKPG juga merangkumi data berkaitan status pekerjaan graduan termasuk kebolehpasaran graduan (*graduate employability; GE*), maklumat pekerjaan, penilaian graduan terhadap program pengajian dan kemudahan prasarana di institusi, serta kemahiran bahasa dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang diperoleh berdasarkan maklum balas graduan semasa melaksanakan kaji selidik dalam sistem SKPG.

3.3 *Data Steward*

Individu atau pasukan yang bertanggungjawab untuk mengekalkan ketepatan data bagi memastikan kualiti data terpelihara dan menjamin ketepatan keputusan yang dibuat. *Data steward* juga berperanan dalam menyediakan dan melaksanakan polisi data untuk memastikan amalan pengurusan data yang teratur dilaksanakan.

3.4 Data Tanpa Nama

Data Tanpa Nama merupakan data yang tidak boleh dikenal pasti dengan menggabungkannya kepada mana-mana sumber data yang dipegang untuk menghasilkan data peribadi yang tidak boleh dikenal pasti.

3.5 Graduan

Mahasiswa yang telah tamat pengajian dan layak bergraduasi. Ini meliputi graduan peringkat sijil sehingga Doktor Falsafah (PhD) dari Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam negara dan ILKA.

3.6 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)

Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) merujuk kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) iaitu universiti awam, politeknik, dan kolej komuniti serta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang didaftarkan di bawah Akta IPTS 1996 (Akta 555). Turut merangkumi ILKA dan lain-lain IPT di bawah mana-mana kementerian dan kerajaan negeri yang menyertai SKPG.

3.7 Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA)

Merujuk kepada institusi yang menawarkan pelbagai kursus kemahiran untuk melatih dan membangunkan kemahiran teknikal dan vokasional di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 hingga ijazah pertama tahap 6. Terdapat tujuh (7) kementerian yang mempunyai ILKA menyertai SKPG, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), dan Kementerian Kerja Raya (KKR).

3.8 Kebolehpasaran Graduan

Merangkumi graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan semasa melengkapkan kaji selidik pada tahun kajian.

3.9 Pemegang Taruh (Pihak Berkepentingan)

Pemegang taruh (atau juga dirujuk sebagai pihak berkepentingan) merupakan individu atau organisasi sama ada agensi sektor awam atau swasta yang berhasrat menggunakan data bagi tujuan atau kepentingan yang dibenarkan oleh pihak KPT. Agensi sektor swasta merujuk kepada syarikat yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan organisasi swasta tempatan yang sah.

3.10 Pemilik Data

Individu, komuniti, organisasi atau institusi yang mempunyai hak pemilikan dari segi perundangan dan kawalan yang sah sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap data. Pemilik data bertanggungjawab terhadap kualiti, ketepatan, integriti dan ketepatan masa data, memastikan pematuhan proses pengumpulan dan perkongsian data serta membenarkan capaian data yang tertakluk kepada pematuhan Polisi Pengintegrasian dan Tadbir Urus Data dan Kerangka Kerja Pengintegrasian Data Kementerian Pendidikan Tinggi.

3.11 Penyelaras SKPG

Penyelaras SKPG merupakan pegawai yang dilantik oleh pihak IPT yang bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan SKPG dan juga bertindak sebagai urus setia SKPG di IPT masing-masing. Tanggungjawab penyelaras SKPG termasuklah membekalkan data asas graduan melalui sistem Anjung SKPG, membuat hebahan mengenai SKPG kepada graduan, memantau kadar respons dan kadar kebolehpasaran graduan (graduate employability; GE) serta menganalisis hasil dapatan kaji selidik bagi tujuan pelaporan kepada pengurusan tertinggi IPT.

3.12 Penyelidik IPT dan Institusi Penyelidikan Lain

Penyelidik IPT adalah dalam kalangan ahli akademik atau pelajar yang menjalankan penyelidikan di bawah seliaan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dalam negara. Manakala institusi penyelidikan lain merujuk

kepada institusi penyelidikan awam, swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sebagainya sama ada dalam atau luar negara seperti Khazanah Research Institute (KRI), UNESCO Institute for Statistics (UIS) dan lain-lain.

3.13 Pengguna Data

Individu atau entiti atau organisasi yang menggunakan data SKPG.

3.14 Pentadbir Data

Individu atau pasukan yang bertanggungjawab untuk mengurus, mengguna dan menghasilkan data secara efektif dan efisien dalam memastikan penyediaan, pematuhan, pengurusan, dan capaian data secara berkualiti.

3.15 Sistem Anjung SKPG

Sistem Anjung SKPG merupakan platform aplikasi web yang digunakan oleh pentadbir data dan pemilik data untuk tujuan mentadbir urus data SKPG. Kemudahan ini membolehkan pihak IPT memuat naik data graduan tahun kajian ke sistem Anjung SKPG bagi membantu pihak IPT menyemak kesempurnaan, kesahihan dan kualiti data. Sistem ini juga memaparkan dokumen rujukan SKPG, penyertaan graduan, dapatan ringkas kajian bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya.

3.16 Sistem SKPG

Sistem SKPG merupakan satu sistem yang digunakan oleh KPT dalam mengumpul data profil graduan baharu dari IPTA, IPTS, ILKA dan lain-lain institusi. Sistem ini adalah platform instrumen kaji selidik untuk mengumpul maklum balas daripada graduan berkaitan status pekerjaan termasuk kebolehpasaran graduan, maklumat pekerjaan, penilaian graduan terhadap program pengajian dan kemudahan prasarana di institusi serta kemahiran bahasa dan ICT.

3.17 Portal Graduates Reference Hub for Employment and Training (GREaT)

Portal Graduates Reference Hub for Employment and Training (GREaT) adalah portal sehati kepada graduan untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang kerjaya, program, dan tips meningkatkan kebolehpasaran graduan yang diselia oleh KPT. Melalui portal GREaT ini juga maklumat SKPG yang bersifat data terbuka dikongsi kepada umum seperti bilangan graduan, kadar respons dan kebolehpasaran graduan.

4.0 LATAR BELAKANG

- 4.1 Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) merupakan platform instrumen kaji selidik untuk mengumpul data profil graduan baharu, status dan maklumat pekerjaan serta persepsi graduan mengenai pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran. Instrumen kaji selidik dalam sistem ini disemak setiap dua (2) tahun sekali oleh jawatankuasa soal selidik yang terdiri daripada pemilik data, wakil industri, dan pemegang taruh yang lain.
- 4.2 Pengumpulan data SKPG secara berpusat adalah penting kerana data SKPG merupakan sumber rujukan utama berkaitan kadar kebolehpasaran graduan baharu negara. Kadar kebolehpasaran graduan berupaya memberikan indikasi tentang keupayaan ekosistem pengajian tinggi negara sama ada berjaya mengeluarkan graduan yang berkualiti serta memenuhi permintaan semasa tenaga kerja daripada industri atau sebaliknya. Oleh itu, komitmen yang padu daripada pihak IPT sangat signifikan dalam memastikan kadar respons graduan adalah optimum.
- 4.3 Data SKPG telah digunapakai oleh pelbagai pemegang taruh termasuk pihak kementerian dan agensi seperti MOF, KE, KESUMA, DOSM, SPA, PDRM, MIDA, MDEC dan lain-lain untuk tujuan membuat keputusan dan merancang strategi bukan sahaja bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan negara malahan juga menambah baik ekosistem pasaran buruh di Malaysia.

- 4.4 Dalam hal ini, pihak KPT sentiasa membuat semakan dan mengaudit data yang dibekalkan oleh IPT supaya lengkap dan sempurna sebelum dianalisis. Ia bertujuan untuk memastikan kualiti data dan maklumat SKPG adalah pada tahap yang tinggi.

5.0 FAEDAH GARIS PANDUAN

Antara faedah yang diperoleh melalui garis panduan ini adalah:

5.1 Jaminan Kualiti Data

Data asas graduan yang dibekalkan oleh pembekal data ke sistem Anjung SKPG melalui poses semakan kualiti data bagi memastikan data tersebut lengkap, tepat dan konsisten mengikut format yang telah ditetapkan oleh *data steward* dan disahkan bilangan graduan yang dihantar oleh pemilik data sebelum tarikh *cut off date* data SKPG oleh KPT.

5.2 Jaminan Keselamatan Data: Kerahsiaan, Integriti, dan Ketersediaan

Melindungi data SKPG daripada kesan kegagalan atau kelemahan dari segi kerahsiaan (*confidentiality*), integriti (*integrity*) dan ketersediaan (*availability*) adalah penting. Kerahsiaan merujuk kepada pemastian bahawa data dan maklumat boleh dicapai oleh pihak yang berhak sahaja, dilindungi dari pihak yang tidak berkenaan dan tidak didedahkan sewenang-wenangnya atau dibiarkan dicapai tanpa kebenaran. Integriti pula bermaksud memastikan data dan maklumat adalah tepat dan lengkap seperti asal serta dikemaskini atau dipinda dengan cara yang dibenarkan. Ketersediaan data merujuk kepada pemastian bahawa data dan maklumat boleh digunakan dan dicapai pada bila-bila masa oleh pengguna yang sah dan dibenarkan sahaja.

5.3 Memaksimumkan Penggunaan

Ketersediaan data SKPG akan membolehkan penggunaan yang lebih meluas dan bernilai untuk dimanfaatkan oleh pemegang taruh dan masyarakat.

5.4 Memudahkan Perkongsian dan Pengintegrasian Data

Melalui aktiviti semakan dan pemantauan kualiti data SKPG secara berterusan, maka perkongsian dan pengintegrasian data SKPG dapat dilaksanakan dengan mudah di mana set data secara berasingan boleh diwujudkan mengikut keperluan tertentu.

5.5 Pemilikan Maklumat

Penentuan pemilikan bagi set data SKPG membolehkan pengguna mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap penghantaran, pengurusan dan pembangunan piawaian bagi data tersebut.

5.6 Membuat Keputusan dengan Lebih Baik

Ketersediaan data dan maklumat akan memudahkan proses membuat keputusan tanpa melibatkan proses yang berulang. Kebolehcapaian data SKPG oleh pihak KPT dan pemegang taruh membolehkan keputusan penting melibatkan kebolehpasaran graduan dapat dilakukan dengan lebih tepat dan berkesan.

5.7 Pengurusan Gudang Data

Pembangunan dan penyelenggaraan gudang data, *data mart*, instrumen pelaporan dan penganalisan data secara efisien dapat memaksimumkan nilai data serta meningkatkan keberkesanan dan kecekapan tadbir urus dan penggunaan data SKPG.

6.0 PRINSIP PENGGUNAAN DATA

Beberapa prinsip utama perlu diberi penekanan dalam penggunaan data iaitu:

6.1 Kualiti (*Quality*)

Data yang dibekalkan oleh pemilik data mestilah berkualiti di mana data tersebut perlu disemak dan disahkan terlebih dahulu di peringkat institusi masing-masing. Ini bertujuan untuk memastikan data lengkap, tepat, konsisten, terkini dan boleh dipercayai.

Ciri Kualiti	Penerangan
Tiada Pertindihan Data	Tahap di mana data mempunyai atribut yang betul-betul mewakili nilai sebenar atribut yang diinginkan bagi satu konsep atau peristiwa dalam konteks penggunaan tertentu. Misalnya nombor kad pengenalan kurang atau lebih daripada 12 digit, 6 digit pertama dalam kad pengenalan tidak sepadan dengan tarikh lahir, data yang mempunyai nilai yang tidak logik seperti umur graduan kurang daripada 14 tahun dan lain-lain.
Data Tepat	Tahap di mana data subjek yang berkaitan dengan entiti mempunyai nilai untuk semua atribut yang dijangkakan dan entiti berkaitan dalam satu konteks penggunaan yang khusus. Misalnya data nama tidak boleh mempunyai nilai <i>NULL</i> atau <i>blank</i> .
Data Konsisten	Tahap di mana data mempunyai atribut yang bebas daripada pertentangan dan selaras dengan data lain dalam satu konteks

Ciri Kualiti	Penerangan
	penggunaan tertentu. Ia boleh sama ada atau kedua-duanya antara data berkenaan satu entiti dan merentas data yang serupa untuk entiti yang setanding. Misalnya penyediaan data mengikut format data yang dipersetujui seperti semakan nombor matrik berbeza bagi pelajar yang sama.
Data Terkini	Tahap di mana data mempunyai atribut yang dianggap benar dan boleh dipercayai oleh pengguna dalam satu konteks penggunaan yang khusus. Kredibiliti merangkumi konsep keaslian (kebenaran asal, pemberian, komitmen). Ia merujuk kepada pengesahan pemilik data.
Data Boleh Dipercayai	Tahap di mana data mempunyai atribut yang betul dan terkini dalam satu konteks penggunaan yang khusus. Ia merujuk kepada data dikemas kini, terkini dan menepati <i>cut-off date</i> yang ditetapkan.

6.2 Keselamatan

Keselamatan data SKPG dilaksanakan bagi melindungi data daripada kesan kegagalan atau kelemahan dari segi kerahsiaan (*confidentiality*), integriti (*integrity*) dan ketersediaan (*availability*). Data perlu dilindungi dari kehilangan, diubahsuai, dimusnahkan atau dicapai secara tidak sah sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.

6.3 Privasi

Capaian dan perkongsian data terutama bagi data terkawal dan sensitif perlu mematuhi perundangan, peraturan dan perjanjian yang tertakluk di bawah akta tertentu seperti Akta 709, iaitu Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

6.4 Kebolehpercayaan (*Reliability*)

Data dikumpul menggunakan menggunakan instrumen SKPG yang disemak dua (2) tahun sekali oleh pihak KPT bersama penyelaras IPT dan pemegang taruh sebagai Jawatankuasa Teknikal Kajian Pengesanan Graduan bagi memastikan kaji selidik yang dijalankan adalah relevan dengan keperluan pihak kerajaan, pemegang taruh dan keadaan semasa.

6.5 Piawaian (*Standard*)

Data yang dibekalkan perlu mematuhi piawaian tertentu yang telah dipersetujui oleh pihak KPT seperti penggunaan Kod Pendidikan Nasional (*National Education Code*; NEC) bagi penentuan kod bidang pengajian, kod Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (*Malaysian Standard Classification of Occupation*; MASCO) bagi pengelasan pekerjaan dalam struktur guna tenaga negara dan kod Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (*Malaysian Standard Industrial Classification*; MSIC) bagi sektor ekonomi/klasifikasi industri. Di samping itu, perlu juga mematuhi Kamus Data KPT dan kod rujukan dalam Data Dictionary Sektor Awam (DDSA).

6.6 Pematuhan Undang-undang (*Legal Conformity*)

Capaian data perlu menghormati hak-hak undang-undang dan kepentingan semua pihak yang berkepentingan. Capaian dan tadbir urus data adalah tertakluk kepada pelbagai keperluan perundangan seperti keselamatan negara, kerahsiaan, privasi dan hak harta intelek.

6.7 Akauntabiliti

Akauntabiliti merujuk kepada kewajipan pihak bertanggungjawab dalam menjalankan tugas yang diamanahkan berkaitan dengan tadbir urus dan penggunaan data SKPG dengan mengikut lunas undang-undang, tatacara dan arahan yang ditetapkan pihak kerajaan.

6.8 Kelestarian (*Sustainability*)

Kelestarian merujuk kepada ekosistem SKPG yang sentiasa diselenggara dan ditambah baik secara berterusan bagi memastikan data yang disimpan adalah berkualiti dan selamat serta dapat digunakan dalam jangka masa yang lama.

7.0 KLASIFIKASI DATA

Pihak pemegang taruh perlu memahami tentang klasifikasi data kerana tidak semua jenis data boleh disalurkan atau dikongsiikan kepada pemegang taruh atau pihak ketiga. Data SKPG diklasifikasikan seperti berikut:

7.1 Data Kekal (*Static Data*)

Merujuk kepada data yang tidak berubah seperti nombor matrik graduan, nama graduan, nombor kad pengenalan dan jantina yang dianggap unik.

7.2 Data Berubah (*Dynamic Data*)

Merujuk kepada data yang perlu dikemaskini dari semasa ke semasa seperti status pekerjaan dan maklumat pekerjaan.

7.3 Data Terbuka (*Open Data*)

Merujuk kepada data yang boleh digunakan secara bebas, dikongsiikan atau digunakan semula oleh semua kategori pengguna termasuk individu, agensi sektor awam atau swasta untuk sebarang tujuan selagi mana tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang berkuat kuasa di Malaysia.

Data terbuka terbahagi kepada dua (2) kategori (rujuk Lampiran 1) iaitu:

- a. **Data Kategori A:** Data yang lazimnya disebar luas melalui penerbitan atau secara elektronik. Contohnya, data yang telah diterbitkan dalam Laporan Tahunan Kajian Pengesanan Graduan, Buku Statistik Pendidikan Tinggi, dashboard statistik di portal KPT dan carian GE seperti yang terdapat pada portal GREaT KPT.
- b. **Data Kategori B:** Data terbuka bersifat kompleks yang memerlukan penganalisan yang lebih panjang dan pemahaman data yang lebih mendalam, adakalanya memerlukan pengetahuan berkaitan dengan bidang pendidikan tinggi. Contoh kategori ini adalah data keluaran graduan mengikut trend, mengikut taraf kewarganegaraan, mengikut pendapatan bulanan keluarga, pendapatan bulanan graduan, mengikut bidang pengajian dan sebagainya. Data ini diperlukan oleh pihak KPT atau pemegang taruh untuk tujuan tertentu seperti menghasilkan buku Laporan Kajian Pengesanan Graduan, input sokongan kepada jawapan soalan parlimen dan membuat perancangan strategik.

7.4 Data Sulit (*Confidential Data*)

Merujuk kepada data yang tidak boleh dikongsikan secara bebas. Data ini hanya boleh dicapai dengan kebenaran pemilik data atau pihak KPT sahaja bagi tujuan pengguna sistem lain, termasuk perkongsian dengan agensi luar. Data sulit terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu:

- a. **Data Kategori C:** Data yang mengandungi unsur-unsur sensitif contohnya yang berkaitan dengan agama, bangsa dan taraf bumiputera. Data ini hanya dikongsi bersama agensi-agensi kerajaan yang bersesuaian mengikut isu dan kepentingan.
- b. **Data Kategori D:** Data yang melibatkan maklumat peribadi individu yang dilindungi di bawah Akta 709, iaitu Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Contoh data dalam kategori ini adalah nama, nombor

kad pengenalan, alamat kediaman, nombor telefon, e-mel, Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan maklumat status Orang Kurang Upaya (OKU) tentang kesihatan fizikal dan mental.

8.0 JENIS CAPAIAN

8.1 Capaian Terbuka

Merujuk kepada capaian ke atas data dan maklumat yang dihebahkan di dalam sistem aplikasi di bawah pengurusan KPT. Ini merujuk kepada data dan maklumat yang berkaitan dengan SKPG haruslah boleh dicapai dengan mudah tanpa melalui sebarang proses pendaftaran/kebenaran.

8.2 Capaian Berdaftar

Capaian berdaftar merujuk kepada capaian ke atas data sulit yang mesti melalui proses pendaftaran/kebenaran yang ditetapkan oleh pihak KPT. Capaian hanya akan disediakan kepada pihak yang diberi kelulusan melalui tatacara yang ditetapkan.

9.0 TATACARA PENGGUNAAN DATA SKPG

Garis panduan penggunaan data SKPG terpakai kepada semua pemegang taruh dan KPT dalam proses penggunaan dan penyaluran maklumat. Ia melibatkan empat (4) proses utama iaitu:

- a. Permohonan penggunaan data;
- b. Verifikasi penggunaan data oleh KPT;
- c. Penyaluran data kepada pemegang taruh/pemohon/pengguna; dan
- d. Pengendalian data sulit SKPG.

Tatacara ini terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu tatacara permohonan data terbuka dan data sulit (rujuk Lampiran 2).

9.1 Tatacara Permohonan Data Terbuka SKPG

Permohonan penggunaan data terbuka SKPG tidak melibatkan tatacara verifikasi dan juga penyaluran data. Data terbuka boleh diperoleh dari Laporan Tahunan Kajian Pengesanan Graduan, buku Statistik Pendidikan Tinggi, dashboard statistik KPT dan menu Carian GE di Portal GREaT.

9.1.1 Tatacara Penggunaan Data Terbuka SKPG

1. Penggunaan data tidak dikenakan sebarang caj.
2. Data boleh digunakan secara bebas, boleh dikongsi dan digunakan semula secara bersesuaian.
3. Pengguna boleh melaksanakan perkara yang berikut:
 - a. Salin, terbit, edar dan pindah data;
 - b. Adaptasi data;
 - c. Guna data secara komersial dan tidak komersial; dan
 - d. Gabung data dengan data lain atau rangkum data dalam produk atau aplikasi.
4. Penggunaan data atau penggunaan semula data hendaklah mematuhi Terma Penggunaan Data Terbuka Kerajaan Malaysia.
5. Bagi data terbuka bersifat kompleks (Kategori B) yang diperlukan untuk tujuan penganalisan yang lebih panjang dan pemahaman data yang lebih mendalam, pengguna data tersebut perlu membuat permohonan kepada pihak KPT dengan menyatakan tujuan serta medan data yang diperlukan. Permohonan data tersebut perlu

mendapat pertimbangan dan kelulusan daripada Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Strategik (SUB BPS) dan/atau Timbalan Setiausaha Bahagian, Seksyen Data (TSUB SD), KPT seperti di Lampiran 1.

9.2 Tatacara Permohonan Data Sulit SKPG

9.2.1 Tatacara Permohonan Penggunaan Data Sulit SKPG

Apabila pengguna data berhasrat untuk menggunakan data SKPG, pengguna data perlu melakukan langkah-langkah berikut:

1. Mengemukakan surat atau e-mel permohonan data kepada pihak KPT khususnya Seksyen Data.
2. Pengguna data perlu menyatakan dengan jelas data yang diperlukan dan tujuan penggunaan dengan melengkapkan borang permohonan data.

9.2.2 Tatacara Verifikasi Data Sulit SKPG

Proses verifikasi ini sangat penting bagi memastikan data yang akan disalurkan tidak disalahgunakan, privasi data dilindungi serta mengelak kebocoran data. Adalah menjadi tanggungjawab pengguna data untuk memastikan data yang diperoleh selamat dan terjamin di sisi undang-undang serta mematuhi Dasar Keselamatan ICT. Proses verifikasi melibatkan langkah-langkah berikut:

1. Pihak pentadbir data di Seksyen Data akan meneliti permohonan penggunaan data, yang dimohon melalui Borang Permohonan Data (rujuk Lampiran 2) meliputi aspek klasifikasi data dan tujuan data tersebut diperlukan.

2. Pentadbir dan pengurus data akan mempertimbangkan permohonan serta mengenal pasti kaedah perkongsian data, keperluan teknikal dan kekerapan penyediaan data.
3. Pihak KPT akan mengenal pasti sama ada terdapat keperluan untuk mengadakan perjanjian/MoU dengan pihak pemohon. Perjanjian di antara KPT dengan pemohon data ini adalah bagi memastikan kedua-dua pihak mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang dipersetujui serta menjaga kepentingan, keselamatan dan privasi data.
4. Seksyen Data akan mengeluarkan memo memohon kelulusan daripada Ketua Setiausaha (KSU), KPT.
5. Selepas KSU meluluskan permohonan tersebut, pentadbir data di Seksyen Data akan menyediakan data sulit yang diperlukan. Jika sebaliknya, makluman akan dikemukakan melalui e-mel atau sebarang medium komunikasi kepada pemohon data.

9.2.3 Tatacara Penyaluran Data Sulit SKPG

Permohonan data yang telah diluluskan oleh KSU KPT perlu melalui tatacara penyaluran data yang melibatkan langkah-langkah berikut:

1. Pentadbir data akan mengenal pasti kaedah penyaluran data yang sesuai antaranya seperti berikut:
 - a. Perkhidmatan web (*web services*);
 - b. Perkongsian secara fail excel yang telah di *encrypt* atau jadual paparan data (*view table*) pangkalan data;
 - c. Penyediaan pangkalan data perantara oleh pentadbir data yang membolehkan data disediakan mengikut format yang diperlukan; dan

- d. Pengintegrasian data menggunakan kaedah yang bersesuaian seperti kaedah API.

Kaedah penyaluran data bergantung kepada persetujuan kedua-dua belah pihak (pentadbir dan pengguna data).

2. Pengguna data perlu mengisi dan menyerahkan borang permohonan data (rujuk Lampiran 3 - Rajah L3.1) dan borang perakuan pematuhan kerahsiaan data (rujuk Lampiran 3 - Rajah L3.2).
3. Pengguna data perlu menyerahkan borang tersebut dalam tempoh yang ditetapkan.
4. Penggunaan data mestilah tertakluk kepada syarat berikut:
 - a. Pemilik data telah memberi kebenaran menggunakan data tersebut.
 - b. Pengguna data perlu memastikan pemilik data dilindungi dari semua perkara.
 - c. Pemilik data dikecualikan daripada sebarang representasi, waranti, obligasi dan liabiliti berhubung data.
 - d. Pemilik data tidak bertanggungjawab terhadap perkara berikut:
 - i. sebarang ralat;
 - ii. kehilangan data; dan
 - iii. sebarang jenis kehilangan, kecederaan atau kerosakan kesan daripada penggunaan data tersebut.
 - e. Pemilik data tidak memberikan jaminan data disediakan secara berterusan.

- f. Maklumat hanya boleh digunakan untuk tujuan yang dibenarkan oleh pihak KPT (tertakluk kepada Had Penggunaan Maklumat Peribadi; Akta Perlindungan Data Peribadi 2010).
- 5. Pemakluman capaian data akan dimaklumkan melalui e-mel atau sebarang medium komunikasi seperti tarikh, masa, kaedah capaian data dan sebarang keperluan teknikal untuk capaian data jika perlu.
- 6. Perkongsian data sulit dilaksanakan seperti yang telah dipersetujui antara pentadbir data dan pemohon data [rujuk perkara 9.2.3 (1)].
- 7. Pentadbir data KPT perlu menyediakan data yang dimohon dalam bentuk Data Tanpa Nama (*Data anonymization*) agar identiti individu tidak boleh dikenal pasti.
 - a. Setiap entiti dalam ekosistem KPT mesti memastikan data tanpa nama, terutamanya apabila digabungkan dengan maklumat lain daripada organisasi di luar sistem KPT, tidak boleh menentukan seseorang individu, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
 - b. Data tanpa nama tentang individu boleh dikongsi tanpa persetujuan (tertakluk pada sekatan tertentu tentang rekod penjagaan kesihatan/sosial), dalam bentuk yang identiti individu tidak dapat diiktiraf, iaitu apabila rujukan kepada mana-mana item data yang boleh membawa kepada individu yang dikenal pasti telah dikeluarkan.
- 8. Walau bagaimanapun, pemakaian klausa ini boleh dikecualikan bagi permohonan yang telah mendapat kelulusan khas daripada Ketua Setiausaha.

9.2.4 Tatacara Pengendalian Data Sulit SKPG

Pengendalian data sulit yang telah dikongsi atau diintegrasikan adalah di bawah tanggungjawab pemohon data dan perlu melaksanakan langkah-langkah perlindungan seperti berikut:

- a. Pemakluman capaian data seperti tarikh, masa, kaedah capaian data dan sebarang keperluan teknikal untuk capaian data jika perlu akan dimaklumkan melalui e-mel atau sebarang medium komunikasi.
- b. Data yang dikemukakan adalah untuk kegunaan pihak pemohon data bagi tujuan yang dimohon sahaja.
- c. Data yang dikemukakan tidak boleh disebarluaskan, dikongsi atau diserahkan kepada pihak lain tanpa kebenaran bertulis pihak kementerian.
- d. Data yang dikemukakan tidak boleh dimanipulasi sehingga menjejaskan maklumat data asal.
- e. Pihak pemohon data akan memberikan perlindungan kerahsiaan yang sewajarnya kepada data yang telah dikemukakan oleh pihak KPT tanpa mengira bentuk data yang dibekalkan sama ada melalui salinan cetak atau secara digital.
- f. Pihak pemohon data akan menentukan dan mengekalkan langkah-langkah kawalan yang berkesan untuk menjaga kerahsiaan data daripada pihak yang tidak diberi kuasa daripada segi penggunaan, membuat salinan atau penyebaran.
- g. Pihak pemohon data dikehendaki mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa segala data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal, jika data peribadi itu tidak lagi dikehendaki bagi maksud yang baginya data peribadi itu hendak diproses.

- h. Menyarankan supaya pihak pemohon data menyediakan deraf Memorandum Persefahaman atau Nota Kerjasama terutamanya bagi permohonan yang dibuat secara berkala dan berterusan untuk ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

10.0 PENUTUP

Garis Panduan Penggunaan Data SKPG ini menyediakan tatacara penggunaan, permohonan, verifikasi, penyaluran dan pengendalian data SKPG sama ada berklasifikasi terbuka atau sulit. Garis Panduan ini disediakan dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kitaran penggunaan data SKPG. Aliran proses bagi tatacara penggunaan data terbuka dan data sulit disediakan pada **Lampiran 2** dan borang permohonan yang perlu dilengkapkan oleh pemohon data seperti di **Lampiran 3**. Justeru, semua pengguna data SKPG hendaklah mematuhi Garis Panduan Penggunaan Data SKPG bagi memastikan jaminan kualiti dan keselamatan data.

11.0 RUJUKAN

1. Polisi Pengintegrasian dan Tadbir Urus Data dan Kerangka Kerja Pengintegrasian Data Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2024
<https://www.mohe.gov.my/warga/muat-turun/pekeliling/data/1492-surat-pekeliling-ketua-setiausaha-kementerian-pendidikan-tinggi-bilangan-1-tahun-2024-polisi-pengintegrasian-dan-tadbir-urus-data-kpt-kerangka-kerja-pengintegrasian-data-kpt-pdf/file>
2. Kerangka Kerja Pengintegrasian Data Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 1 Tahun 2024
<https://www.mohe.gov.my/warga/muat-turun/pekeliling/data/1492-surat-pekeliling-ketua-setiausaha-kementerian-pendidikan-tinggi-bilangan-1-tahun-2024-polisi-pengintegrasian-dan-tadbir-urus-data-kpt-kerangka-kerja-pengintegrasian-data-kpt-pdf/file>

3. Garis Panduan Perkongsian Data Jabatan Perkhidmatan Awam;
<https://docs.jpa.gov.my/docs/flipbook/Garis-Panduan-Perkongsian-Data-JPA/>
4. Garis Panduan Pengurusan ICT: Pangkalan Data (UiTM);
https://kedah.uitm.edu.my/images/circular/Garis_Panduan_Pengurusan ICT__06_Tahun_2020.pdf
5. Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (Cloud Computing) Dalam Perkhidmatan Awam;
https://www.jpm.gov.my/images/surat_pekeliling/2021-SPA_BIL2_-_Garis_Panduan_Pengurusan_Keselamatan_Maklumat_Melalui_Pengkomputeran_Awan_Cloud_Computing_Dalam_Perkhidmatan_Awam.pdf?fbclid=IwAR2hW1WAnRnIC6oC474bkNoZTd5HRqYG7MrV43xuyh8FsMAvgq7jEYiQhos
6. Garis Panduan Perkongsian Data Kementerian Pendidikan Tinggi Bersama Pihak Media;
<https://www.mohe.gov.my/warga/muat-turun/manual-dan-garis-panduan/pengurusan-data/356-garis-panduan-perkongsian-data-kpt-bersama-media/file>
7. Government-Wide Reference Architecture: Data Kerajaan (Versi Beta) (JDN);
[GWRA-Data-versi-Beta.pdf \(mampu.gov.my\)](https://www.mampu.gov.my/GWRA-Data-versi-Beta.pdf)
8. Dasar Perkongsian Data Sektor Awam, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2021;
<https://dasar.mampu.gov.my/search-g/download-file/259/e2aebef35549528275d8b47af883b937>
9. Terma Penggunaan Data Terbuka Kerajaan 1.0; file (mohe.gov.my)
<https://www.mohe.gov.my/muat-turun/manual-dan-garis-panduan/49-terma-penggunaan-data-terbuka-kerajaan/file>


LAMPIRAN 1

KATEGORI DATA			
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI			
Kategori Data	Keterangan	Contoh Pemohon	Pelulus
Kategori A (Data bersifat umum dan mudah)	Kategori ini meliputi data dan maklumat yang mempunyai kepentingan umum, lazimnya disebar luas oleh Seksyen Data (SD) melalui penerbitan atau secara elektronik. Contohnya, data yang diterbitkan di dalam Buku Statistik Pendidikan Tinggi, <i>Quick Facts</i> Pendidikan Tinggi di portal GREaT, dashboard statistik di portal KPT dan Laporan Kajian Pengesanan Graduan.	Semua pemegang taruh KPT	TSUB, KPSU Seksyen Data, BPS
Kategori B (Data kompleks tetapi bersifat umum)	Data kategori ini memerlukan penganalisan yang lebih panjang dan pemahaman data yang lebih mendalam, ada kalanya memerlukan pengetahuan statistik yang mencukupi. Data dan maklumat berbentuk ini biasa diperlukan oleh agensi-agensi kerajaan seperti MOF, KE, KESUMA, MOSTI, para penyelidik, pelajar, kerajaan negeri dan badan-badan berkanun.	Agensi/Jabatan Kerajaan dan Swasta, Penyelidik, Pelajar, NGO, Agensi asing	SUB BPS, TSUB Seksyen Data
Kategori C (Data Sulit dan Maklumat Terhad)	Data kategori ini mengandungi unsur-unsur sensitif seperti agama, bangsa, kaum dan lain-lain maklumat yang telah di klasifikasi sebagai sensitif. Data ini lazimnya dikongsi antara agensi-agensi kerajaan yang difikirkan wajar sahaja dan tidak di kongsi dengan pihak bukan kerajaan.	KE, JDN, MOF, MITI, Kementerian, Jabatan, Kerajaan Negeri	KSU
Kategori D (Data dan Maklumat Sulit)	Data kategori ini mengandungi maklumat peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat kediaman, nombor telefon, e-mel, PNGK dan lain-lain yang tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) (Akta 709).	JIM, PDRM, MOF, DOSM, SPA, LHDN	KSU

Data Kategori C dan D tidak boleh diberi kepada mana-mana penyelidik

Rajah L1.1: Kategori Data KPT dan Pelulus

LAMPIRAN 2



Rajah L2.1: Aliran Kerja Penggunaan Data SKPG

LAMPIRAN 3



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI/ MINISTRY OF HIGHER EDUCATION
 Bahagian Perancangan strategik (BPS)/ Strategic Planning Division
 Seksyen Data/ Data Section
 Aras 3, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62200 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel : 603 8870 6000
 Faks : 603 8870 6809
 Laman web : <http://www.mohe.gov.my>
 Emel : sdbps@mohe.gov.my

PERMOHONAN DATA / DATA REQUEST

Nama/ Name	
Jawatan/ Designation	
No. K.P./Pasport NRIC/ Passport No.	
No. Tel./ Emel/ No. Fax Tel. No./ Email/ Fax No.	
Organisasi/ Organisation	
Unit/Jabatan/Bahagian Unit/Department/Division	
Data yang diperlukan/ Data Information required	

Sila lampirkan bersama jadual atau template dalam format spreadsheet. Boleh merujuk kepada bentuk jadual di bawah terbitan buku/ laporan pada portal Kementerian Pendidikan Tinggi. Sila lampirkan bersama dokumen sokongan berkaitan.
 Please attach the table(s) or template(s) in spreadsheet format. You may refer to the sample table(s) as published or reported via Ministry of Higher Education portal. Please attach relevant supporting document(s).

Tujuan permohonan/ Request purpose	☐ Mesyuarat/Persidangan/Seminar/Lawatan/Bengkel <i>Meeting/Conference/Seminar/Visit/Workshop</i> ☐ Parlimen/KPI/ Parliament ☐ Kajian/Penyelidikan/Research ☐ Kertas Kerja/Laporan/Pembentangan/Penerbitan <i>Paperwork/Report/Presentation/Publication</i> ☐ Lain-lain/Others Sila nyatakan/ Please indicate:
---	---

PERAKUAN / DECLARATION

Saya mengaku bahawa data/maklumat yang dipohon hanya digunakan untuk tujuan yang dinyatakan sahaja. Saya tidak akan menyabitkan KPT dalam apa jua bentuk kerugian, kecederaan dan apa juga masalah akibat dari penggunaan data yang diterima. KPT berhak mengenakan syarat-syarat tambahan kepada data/maklumat yang dipohon dari semasa ke semasa.

I declare that the requested data/information will be used for the stated purpose only. I will not charge MOHE liable for any kind of loss, injury and problem resulting from the usage of the data/information received. MOHE has the right to impose additional condition(s) to the data/information requested whenever is needed.

Tarikh/ Date

TandaTangan dan Cop Rasmi
Signature and Official Stamp

Borang yang lengkap boleh dihantar kepada sdbps@mohe.gov.my. Hubungi urus setia jika belum menerima maklum balas dalam masa 7 hari dari tarikh penghantaran borang.
 You may send the completed form to sdbps@mohe.gov.my. Please contact the secretariat if you didn't receive any feedback within 7 days after submission of the form.

Tandatangan pelulus/Approver signature

Rajah L3.1 : Borang Permohonan Data

Contoh Akuan Pematuhan Kerahsiaan

PERAKUAN:

1. Saya mengaku bahawa data/maklumat yang dipohon hanya digunakan untuk tujuan yang dinyatakan sahaja. Data/maklumat tidak boleh diterbitkan/disimpan dengan apa juga cara elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa keizinan Ketua Setiausaha KPT. Data/maklumat tidak boleh digunakan dalam mana-mana pembentangan/penerbitan melainkan mendapat kebenaran KPT dan saya mestilah menyatakan bahawa KPT sebagai sumber rujukan. Saya tidak akan mensabitkan KPT dalam apa jua bentuk kerugian, kecederaan dan apa juga masalah akibat daripada penggunaan data. KPT berhak mengenakan syarat-syarat tambahan kepada data/maklumat yang dipohon dari semasa ke semasa.
2. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini hanyalah untuk kegunaan pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menerima dokumen ini. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah SULIT dan/atau RAHSIA (bergantung kepada klasifikasi data yang dibekalkan). Memiliki dokumen ini secara tidak sah, menggunakan dokumen ini tanpa kebenaran, pembocoran maklumat atau membuat salinan adalah tidak dibenarkan. Penerima maklumat perlu mematuhi dan tidak melanggar undang-undang berkaitan penggunaan maklumat termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Undang-undang berkaitan Harta Intelekt, perlindungan di bawah *Common Law* dan lain-lain undang-undang berkaitan.
3. Sekiranya saya didapati melanggar mana-mana klausa di bawah akuan ini, tindakan undang-undang boleh diambil oleh KPT berdasarkan peruntukan undang-undang bertulis yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Tandatangan: _____

Nama: _____

No. Kad Pengenalan: _____

Tarikh: _____

Rajah L3.2: Borang Perakuan Pematuhan Kerahsiaan Data